

22 JAN 1996

Karpal-Mekanik

KES KEMATIAN MEKANIK: KARPAL AKAN SAMAN KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Peguam Karpal Singh berkata beliau akan mengambil tindakan undang-undang terhadap kerajaan kerana tidak puas hati dengan tindakan Peguam Negara yang hanya mendakwa dua daripada 11 anggota polis yang bertanggungjawab terhadap kematian mekanik Lee Quat Leong.

Beliau mendakwa dua anggota polis yang mengaku salah berhubung kematian mekanik itu bertujuan untuk menyelamatkan anggota yang lain sedangkan mereka yang benar-benar bersalah dalam kes ini masih bebas.

Karpal yang juga merupakan peguam pemerhati bagi keluarga Lee, berkata tindakan sekadar mendakwa hanya dua daripada 11 anggota polis itu tidak mencukupi dan ia merupakan satu perkara yang "memalukan sistem perundangan negara."

"Saya tidak boleh terima tindakan Peguam Negara dan saya akan mengambil tindakan undang-undang terhadap kerajaan mengenai kes ini dan saya tidak akan melepaskan mereka," katanya kepada pemberita di luar Mahkamah Sesyen di sini hari ini.

Pagi ini, dua anggota polis yang didakwa menyebabkan kecederaan terhadap Lee semasa menyoal siasatnya ketika dalam tahanan mereka berhubung kes pecah masuk Mayban Finance pada 6 Mac lepas, mengaku bersalah atas tuduhan itu dan dihukum penjara 18 bulan.

Karpal berkata dalam kes sivil itu nanti beliau akan membuktikan bahawa kesemua 11 anggota polis berkeenaan terlibat sama terhadap kematian mekanik itu dan akan memastikan bahawa semua mereka diambil tindakan sewajarnya.

"Setelah dibuktikan bahawa semua mereka terbabit, Peguam Negara tidak ada jalan lain lagi selain daripada mendakwa sembilan yang lainnya.

"Polis tidak mempunyai hak untuk membunuh sesiapa jua semata-mata hanya untuk menjalankan tugas dan saya berharap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyiasat perkara itu," katanya.

Beliau berkata kesemua mereka seharusnya didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman mati mandatori dan bukannya didakwa mengikut Seksyen 330 Kanun yang sama yang hanya membawa hukuman maksimum penjara tujuh tahun dan denda. -- BERNAMA